

# Memperkasa penjenamaan semula Umno

Berita HARIAN 11/05/2010 M/S 17

## Parti perlu kembali jadi nadi kesejahteraan rakyat, perjuangkan kelangsungan Melayu

**P**ADA usia genap 64 tahun hari ini, Umno berdepan dengan hakikat dan kudrat dirinya sendiri. Beranggapan organisasi uzur dan matlamat parti mula kabur; atau tidak mahu menyamakan usia sebegitu sama dengan batang tubuh manusia - semua itu terpulang kepada Umno sendiri. Tetapi berdasarkan keadaan ketika ini dan menyorot zon kritikal untuk tempoh empat tahun lagi, Umno perlu memperkukuhkan kewibawaan serta menggilap imej selain menjalin hubungan akrab dan jujur dengan akar umbi.

Umno jangan mengikut rentak lawan yang meledak dan menyebarkan persepsi bahawa pada usia sebegini meletakkan parti pada penghujung hayat. Apa beza usia Umno dengan Pas yang lahir pada 1948 serta DAP (1965) apabila diukur sumbangan dua parti pembangkang itu kepada kemakmuran negara serta kesejahteraan?

"Umno sedang diuji untuk melihat kecekalan pemimpin dan ahlinya menghadapi cabaran getir (untuk meraih semula keyakinan rakyat selepas pengakhiran sokongan melalui Pilihan Raya Umum Ke-12," kata Naib Presiden Umno, Datuk



UMNO berdepan dengan perubahan yang menuntut ahli terus tangkas dan proaktif memperjuangkan misi parti.

mat kepada parti apabila berjaya kelak," katanya.

Sementara itu, seorang penganalisis politik, Zainal Jais, berkata Umno memiliki kekuatan tetapi ia bertukar menjadi kelemahan.

"Bagaimanapun, apa yang sedang berlaku dalam Umno ketika ini budaya menegur kelihatan menjadi duri dalam daging, malah menjadi unsur membuka pekung di dada sendiri. Jika tidak diurus dengan baik, ia akan menjadi anai-anai yang memusnahkan organisasi Umno," katanya.

Beliau berkata, Umno perlu kembali menjuarai dan memperjuangkan Melayu secara serius selain melindungi dan adil kepada kaum lain secara bersungguh-sungguh melalui BN.

"Kualiti dan jati diri ahli juga perlu diperkuat. Justeru, proses perkaderan formal dan tidak formal perlu digerakkan bagi meningkatkan kualiti ahli serta memperkukuh patriotisme. Ahli jangan 'terbiar mengenali Umno bersendirian' sehingga sering mendapat persepsi yang silap.

"Umno juga perlu ada ketangkasan. Maksudnya peka dan pantas termasuk mengenal pasti pemimpin yang tidak berkesan dan tidak

Beliau berkata, tiada daya upaya orang Melayu kumpulan lain membantu memperkukuhkan semula pengaruh Umno kecuali pemimpin dan ahlinya kembali menyusur akar umbi untuk menarik semula sokongan rakyat.

Umno lahir pada 11 Mei 1946 di Johor Bahru, hasil beberapa siri kongres berikutan ancaman terhadap Ketuanan Melayu berikutan penubuhan Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua.

Namun Umno, kata Ahmad Zahid, berdepan dengan ancaman serius apabila pemimpin dan ahlinya mengangap mereka berada dalam zon selesa dengan beranggapan pengaruh parti itu masih berada di kemuncak kegemilangan. Ancaman terhadap Melayu pula apabila mereka mula berasakan perpaduan sesama sendiri tidak penting lagi.

“Sokongan secara total kepada kepemimpinan adalah cara memperkukuhkan semula parti dengan mendukung gagasan kepemimpinan dan menterjemahkan transformasi dengan tindakan memperkasa semula Umno,” katanya.

Beliau berkata, kebolehpercayaan majoriti rakyat kepada Umno dan BN banyak disumbangkan faktor kebolehpercayaan kepada pucuk kepemimpinannya. Sejak Datuk Seri Najib Razak mengambil alih kepemimpinan, gelombang sokongan terarah kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) semula.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Ahmad Maslan, mentafsirkan Umno sebagai Untuk Membela Nasib Orang, iaitu orang Melayu dan rakyat Malaysia lain. Membela kehi-

dupan mereka, membela masa depan generasi mereka dan ini selaras dengan gagasan Malaysia yang mendahulukan rakyat serta menutamakan pencapaian. Rakyat tidak akan meninggalkan Umno kalau hidup mereka dibela.

“Inilah yang patut menjadi inti pati perjuangan murni yang terkandung dalam Perlembagaan Umno. Hanya kita (Umno), hanya BN yang mampu memenuhinya. Allah amanahkan kita untuk bersama usahakan (ke arah memenuhi keperluan rakyat itu),” katanya.

Kelompok muda pula melihat Umno perlu menyerap segera perubahan politik selain minda dan sikap masyarakat yang berlaku sekarang supaya parti kekal relevan.

“Namun, pada sambutan ke-64 ini, tidak mengubah Umno daripada terus mempertahankan Raja-Raja Melayu bersandarkan Perlembagaan Persekutuan demi agama, bangsa dan negara. Pemuda Umno punya kelebihan untuk menyampaikan suara dan kemahuan generasi muda dengan lebih baik bagi menjadikan Umno lebih menarik ketika memainkan peranan dalam suasana politik terkini. Pada masa sama, Pemuda perlu memahami asas perjuangan Umno yang sebenar,” kata Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Razali Ibrahim.

Pada usia 64 tahun, Umno berdepan dengan perubahan yang menuntut parti kekal tangkas dan proaktif. Transformasi Umno pada akhir 2009 memperlihatkan cecenderungan massa mendekati semula parti.

Rutin turun padang yang kini dipopularkan sebagai tinjauan mes-

ra atau *walkabout* adalah kaedah yang sekian lama hilang kemudian dicari-cari dan Umno menemui kembali. Tinjauan mesra akan menyelesaikan sebahagian isu dan permasalahan akar umbi, termasuk mengubati kecil hati, marah dan protes kerana diabaikan pemimpin. Akar umbi semakin realistik, terbuka dan telus.

Namun, sambutan ulang tahun Umno perlu disemarakkan bukan sepi seperti sekarang. Hari keramat itu bukan sekadar disambut di ibu pejabat parti oleh Ahli Majlis Tinggi tetapi sebenarnya setiap ahli parti seluruh negara. Tarikh 11 Mei perlu ada seminar atau apa saja forum percambahan ilmu memabitkan kalangan cerdik pandai Melayu yang lahir dari perjuangan dan dasarnya. Menghadkan pentas mesyuarat bahagian dan Perhimpunan Agung Tahunan untuk runtuai permasalahan serta menyatakan komitmen untuk parti serta Melayu tidak mencukupi.

Justeru, forum seperti kongres ekonomi Melayu, seminar sosiobudaya Melayu atau apa saja pertemuan untuk membincangkan kepentingan Melayu boleh diadakan setiap 11 Mei di samping meniup lilin, memotong kek serta tahlil doa selamat.

“Ekonomi adalah asas dalam suasana kehidupan hari ini. Orang Melayu perlu menjalin kerjasama tulen dalam perniagaan sama ada dengan pengusaha tempatan atau seberang laut. Tanpa ekonomi, kita tidak akan dihormati,” kata Razali lagi.

Beliau turut mengakui keperluan memenangi hati generasi muda

yang sedang mengecapi kemajuan dan tidak pernah melalui kepayahan. “Parti pembangkang akan menggunakan apa saja untuk maksud yang sama,” katanya.

Berdepan dengan isu dan aliran pemikiran yang diubah suai sehingga menjejaskan falsafah Islam, soal ini turut terletak di bahu Umno untuk menanganinya. Antara cabaran besar Umno ialah berdepan dengan aliran pemikiran liberalisasi Islam didukung cendekiawan muda Melayu serta serangan ideologi itu melalui alam siber dan perhubungan sejagat tanpa sempadan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom, berkata: “Parti terus konsisten memperjuangkan Islam, bangsa dan tanah air di samping berterusan memelihara dan mengangkat martabat agama dan syariah serta terus istiqamah memikul amanah ini.”

Bersikap lebih agresif, Setiausaha Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Syed Ali Alhabshee, berkata semua pemimpin dan ketua Umno bahagian mesti berani mempertahankan parti secara terbuka daripada serangan lawan.

“Tuntutan kepada Umno ialah elakkan berpuak dan budaya berpolitik untuk cari makan. Pelapis Umno mesti dibina pelapis dari kalangan bakat di institusi pengajian tinggi dan perlu ada strategi untuk melatih mereka.

“Peluang dan tapak Melayu berniaga mesti diluaskan serta disediakan lebih banyak biasiswa kepada pelajar Melayu dengan ada perjanjian mereka akan berkhid-

pin bermasalah atau tidak popular dan berani menggugurkannya kemudian menggantikan dengan muka baru,” katanya.

Seorang aktivis politik, Anuar Shaari, berkata meniti usia 64 tahun, ancaman terhadap Umno kian getir berikutan perubahan landscape politik negara dan sewajarnya memamatkan ahli serta pemimpin parti dalam menghadapi ‘kegilaan’ parti pembangkang mahu mencalar dan memusnahkan Umno sebagai parti yang menerajui BN serta memerintah negara lebih 53 tahun.

“Mereka kian ghairah menyerang Umno sebagai parti yang rasuah dan dianggotai mereka yang elit. Persepsi songsang pembangkang mesti diperbetul dan awas, program pembangkang serangan itu dilakukan sepanjang tahun,” katanya.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman, berkata pemimpin Umno boleh mencontohi tokoh purba Yunani – Aristotle – yang menggariskan tiga perkara ada pada pemimpin iaitu ‘ethos’ (etika), ‘pathos’ (fakta) dan ‘logos’ (logik).

“Umno dan BN perlu melakukan penjenamaan semula. Semua parti komponen juga mesti diperkuatkan manakala pemimpin dan ahli melihat semua perkara secara positif. Mereka juga ada keupayaan membaca yang tersurat dan tersirat. Apa yang membimbangkan sekarang bukan faktor usia Umno 64 tahun tetapi parti perlu melakukan pendekatan, penyesuaian dan ada kaedah terbaru untuk memikat generasi muda untuk menyokong parti,” katanya.